

Pemupukan Kemahiran Insaniah Melalui Kursus Bina Insan Guru dalam Kalangan Siswa Guru Institut Pendidikan Guru

*(Nurturing Soft Skills through IPG Moral Building Teachers Programme (BIG) among Student Teachers in Teacher Training Institutes )*

NORHIZA MOHD SALLEH, FARIDAH NAZIR & FARAH MUKHTAR

### ABSTRAK

Kertas konsep ini membincangkan strategi pemupukan pelbagai kemahiran insaniah melalui program BIG di Institut Pendidikan Guru (IPG) yang menjadi medium untuk melahirkan seorang bakal guru yang benar-benar komited, cemerlang dan serba boleh apabila berkhidmat sebagai guru kelak. Siswa guru kesemua opsyen di IPG perlu mengikuti program Bina Insan Guru (BIG) berdasarkan semester tertentu untuk enam tahap. Program BIG melibatkan aktiviti perkhemahan, keyakinan diri ketika melakukan aktiviti air, keyakinan diri dalam melakukan aktiviti kembara, membina jaringan hubungan sosial yang baik serta penerapan nilai-nilai murni menerusi aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK). Antara lain, kemahiran insaniah yang dipupuk melalui program BIG ini ialah cergas dan patriotik dalam fasa pertama, akauntabiliti, amanah, kreativiti dan inovatif dalam fasa kedua, etiket sosial, protokol, kesantunan berbahasa, kemahiran mendengar secara efektif, tertib di meja makan, etika berpakaian dalam fasa ketiga, kemahiran berfikir aras tinggi ketika membuat perancangan dan pengendalian dalam fasa keempat, ciri-ciri kepimpinan, pengurusan sekolah, iklim sekolah, infrastruktur dan infostruktur kurikulum di sekolah dalam fasa kelima dan meningkatkan profesionalisme kendiri secara berterusan dalam fasa keenam. Metodologi kajian ini bersifat kualitatif dengan kaedah pengumpulan data dilakukan secara analisis kandungan dan permerhatian ikut serta. Pengumpulan data secara analisis kandungan dilakukan dengan menganalisis dokumen Panduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di IPG, manakala secara pemerhatian ikut serta pengkaji menyertai dan memerhati kegiatan yang dijalankan oleh siswa guru PISMP di IPG. Hasil pemerhatian atau kajian utama memaparkan keberkesanan program BIG yang dilaksanakan dalam memupuk kemahiran insaniah dalam diri siswa guru di IPG.

Kata kunci: Kemahiran insaniah, program bina insan guru, siswa guru, dokumen panduan PISMP, profesionalisme kendiri

### ABSTRACT

*This concept paper discussed the various strategies of fostering soft skills through BIG programme at the Institute of Teacher Education (IPG), which has become the medium to produce a prospective teacher who is truly committed, brilliant and versatile when served as a teacher in the future. Student teachers had to undergo this IPG Moral Building Teachers programme (BIG) based on certain semester for six levels. The activities in the BIG programme involved camping, self-confidence when doing water activities, confidence in doing adventurous activities, building a good network of social relations and values inculcation through the training activities of the small group. The soft skills are nurtured through BIG is active and patriotic in the first phase, accountability, trust, creativity and innovative in the second phase, social etiquette, protocol, etiquette speaking, effective listening skills, table manners, dress code in the third phase, higher order thinking skills when making planning and operations in the fourth phase, the characteristics of leadership, school management, school climate, infrastructure and info structure in the school curriculum in the fifth phase and continuously improving self professionalism in the sixth phase. The methodology used were qualitative study followed by content analysis and observation followed. The content analysis was done based on the IPG Guidelines for Bachelor of Teaching (Panduan Program Ijazah Sarjana Muda), and through observing the activities carried out by the student teachers during the BIG programme. The findings indicated that the effectiveness of the BIG program in nurturing the soft skills in student teachers at IPG.*

**Keywords:** Soft Skills, IPG Moral Building Teachers Programme, Student Teacher, PISMP Guidance Document, Self Professionalisme

## PENDAHULUAN

Kemahiran Insaniah merupakan kemahiran generik namun, tidak terdapat senarai kemahiran khusus yang menghuraikan ciri-cirinya secara spesifik. Kebanyakan kemahiran khusus dalam kemahiran insaniah tersebut berkait dengan kemahiran seperti kepimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan (Mohd Ali bin Jemali et.al. 2011).

Secara umumnya tidak terdapat definisi yang tepat bagi terma soft skills atau Kemahiran Insaniah (KI). Walaubagaimanapun, soft skills atau Kemahiran Insaniah (KI) adalah dikaitkan dengan trait personaliti individu, bijak berkomunikasi, pandai mendapatkan kenalan, berdaya tahan dan berinovatif.

Kemahiran Insaniah adalah antara elemen yang dikenal pasti amat kritikal dalam dunia pekerjaan yang bersifat global, apatah lagi dengan perubahan teknologi yang begitu pantas. Kajian mendapati golongan siswazah di negara ini sukar mendapat pekerjaan kerana mereka tidak mempunyai empat kemahiran asas insaniah. Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, empat kemahiran tersebut ialah kemahiran komunikasi, nilai dan etika, kepimpinan serta pemikiran kritis (Berita Harian Online, 6 Mac 2013). Sehubungan itu, siswa guru khususnya di Institut Pendidikan Guru (IPG) perlu mengamalkan kemahiran insaniah yang memenuhi dan menepati kehendak pasaran kerja dan kehidupan harian yang kian mencabar (Kementerian Pengajian Tinggi, 2006). Hal ini selari dengan beberapa panduan yang diberikan oleh Mohd Dom (2009), antaranya ialah guru-guru baharu hendaklah bersedia menerima sebarang tanggungjawab yang diberikan oleh pengetua atau guru besar mereka. Siswa guru IPG dilatih agar menguasai kemahiran pedagogi, iaitu kajian tentang pengajaran, khususnya pengajaran dalam pendidikan formal. Selain itu, siswa guru juga turut dilatih dengan pelbagai kemahiran insaniah untuk memantapkan kemahiran mereka ketika proses pengajaran dan pembelajaran, pengurusan bilik darjah, organisasi sekolah dan juga interaksi guru dan siswa guru.

Sehubungan itu, kertas ini membincangkan keberkesanan kursus BIG sebagai strategi pemupukan kemahiran insaniah dalam kalangan siswa guru di IPG. Perbincangan tentang strategi pemupukan ini memberi penekanan kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang kursus BIG di samping ciri-ciri kemahiran insaniah yang diberi penekanan terhadap siswa guru-siswa guru di IPG.

## LATAR BELAKANG INSTITUT PENDIDIKAN GURU

Pada 13 Julai 2005, Jemaah Menteri telah meluluskan 27 buah Maktab Perguruan di Malaysia dinaik taraf kepada Institut Pendidikan Guru (IPG). Daripada institusi yang hanya mengeluarkan graduan bertaraf diploma dan sijil, kini institusi ini telah mendapat mandat yang melayakkannya menganugerahkan ijazah Sarjana Muda Perguruan. Implikasi naik taraf ini menjadikan IPG sebuah institusi pendidikan tinggi yang bertaraf universiti. Selaras dengan perubahan taraf tersebut, IPG telah melaksanakan program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Penawaran Ijazah Sarjana Muda Perguruan meletakkan IPG setaraf dengan universiti. Ijazah yang dianugerahkan oleh IPG sama tarafnya dengan ijazah yang dianugerahkan daripada mana-mana universiti yang diiktiraf kerajaan (Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Secara umumnya, latar belakang IPG dipengaruhi oleh perubahan besar pada abad ke 21 seperti berikut:

- i. 2004 - 27 maktab perguruan dan 1 English Language Teaching Centre telah ditubuhkan. Nama maktab perguruan kemudiannya telah ditukar kepada Institut Pendidikan Guru selepas ia dinaik taraf.
- ii. 2005 - Jemaah Menteri telah meluluskan 27 Maktab Perguruan dinaik taraf kepada Institut Pendidikan Guru (IPG) yang boleh menganugerahkan ijazah Sarjana Muda Perguruan dan B.Ed. pada 13 Julai 2005
- iii. 2006 - Pengisytiharan naik taraf Maktab Perguruan kepada Institut Pendidikan Guru. Pengisytiharan ini memberikan satu perubahan besar kepada institusi keguruan dengan bermulanya Program Pensiswazahan Guru yang dijalankan di IPG seperti Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah (PGSR). Selain itu, IPG juga mula menjalankan latihan praperkhidmatan yang boleh memberi pengiktirafan ijazah Sarjana Muda kepada guru sekolah rendah melalui Kursus Perguruan Lepasan SPM (KPLSM) seperti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dan B.Ed TESL.
- iv. 2008 - Pindaan Akta Pendidikan 1996, yang membenarkan maktab perguruan dinaik taraf ke Institut Pendidikan Guru Malaysia telah diluluskan oleh Dewan Rakyat 25 Ogos 2008.
- v. 2008 - Dewan Negara telah meluluskan pindaan Akta Pendidikan 1996, Bab 9 Seksyen 42- 49 tersebut pada 4 Disember 2008.
- vi. 2009 - Y.A.B Menteri Siswa guruan, Dato'

- Hishamuddin Tun Hussein telah mengisytiharkan secara rasmi semua Institut Perguruan di Malaysia dikenali dengan nama Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan IPG Kuala Terengganu ditukar nama kepada IPGM Kampus Dato' Razali Ismail pada 16 Januari 2009, sempena memperingati mantan Timbalan Menteri Siswa guruan, Dato' Razali Ismail yang telah meninggal dunia pada 28 November 2008.
- vii. 2010 - Pentadbiran Institut Pendidikan Guru diasingkan daripada Bahagian Pendidikan Guru dan IPG Kampus diselenggara sepenuhnya oleh Institut Pendidikan Guru Kementerian Siswa guruan Malaysia di Cyberjaya.

Pembentukan guru yang cemerlang hanya boleh tercapai dari budaya IPG yang cemerlang, iaitu yang mampu melatih guru agar memiliki *the towering personality, capable specialist with copable generalist* (Buku Panduan Standard Guru Malaysia, 2007). Sesungguhnya, budaya IPG yang cemerlang dapat membina, membentuk dan melahirkan siswa guru yang mengamalkan tujuh dimensi budaya, iaitu ilmu, kepimpinan, kerja profesional, akhlak dan moral, penyayang, hidup sihat dan estetika. Sebagai bakal pendidik, siswa guru perlu mempamerkan kualiti diri yang tinggi dan terpuji bukan sahaja dari segi penguasaan ilmu dan kecekapan mengajar tetapi juga penampilan diri dan sahsiah yang cemerlang untuk menjadi model kepada murid-murid di sekolah nanti (Buletin IPIS, 2007). Sehubungan itu, budaya IPG merupakan suatu jenama untuk membentuk dan melahirkan guru yang mengamalkan tujuh dimensi budaya seperti berikut:

- i. Budaya Ilmu
  - Pembelajaran sepanjang hayat
  - Berilmu pengetahuan luas, mendalam dan terkini (syumul)
  - Menguasai, mengamal, menghayati, dan berkongsi ilmu
  - Menjana, mencetus, mengembang dan menyumbang ilmu
  - Mengamalkan penyelidikan
- ii. Budaya Kepimpinan
  - Kebolehan membuat keputusan
  - Pemikiran reflektif
  - Menghayati Visi dan Misi IPG serta aspirasi Negara
  - Mempunyai idea-idea yang bernes
  - Bermotivasi tinggi untuk menggerakkan perubahan
  - Berupaya menyelesaikan masalah

- Menjalin kejelekitan di antara warga IPG
  - Membimbing warga IPG ke arah pengurusan kendiri yang berkesan
  - Menjadikan pembelajaran sebagai keutamaan
  - Menetapkan ekspektasi dan pencapaian yang tinggi
  - Mengorientasikan kurikulum dengan piawai pencapaian
  - Mewujudkan komuniti belajar sepanjang hayat
  - Menyediakan pelbagai cara untuk mentafsir dan menilai pembelajaran
  - Menyediakan sumber dan sistem untuk membantu dan menyokong pembelajaran
  - Kesetiaan kepada organisasi
- iii. Budaya Kerja Profesional
  - Mendokong Visi dan Misi organisasi
  - Meletakkan kerja sebagai amanah dan ibadah
  - Bersikap proaktif, kritis, kreatif, dan inovatif
  - Optimis dan komited dalam pekerjaan
  - Mementingkan kualiti dan menepati piawaian yang ditentukan
  - Kepuasan pelanggan sebagai sasaran utama kerja
  - Menepati masa, cekap, tepat, dan mematuhi prosedur
  - Menitikberatkan kerja sepasukan dalam menjayakan aktiviti organisasi
- iv. Budaya Akhlak dan Moral
  - Sentiasa bersyukur
  - Merendah diri (tawadhus)
  - Redha dengan Qada dan Qadar
  - Taqwa
  - Ikhtiar dan Doa
  - Mematuhi etika
- v. Budaya Penyayang
  - Keprihatinan dengan makhluk
  - Sayang akan diri, keluarga, dan masyarakat
  - Sayang akan profesi
  - Sayang akan warga dan organisasi
  - Sayang akan alam sekitar
  - Sayang akan Negara
- vi. Budaya Hidup Sihat
  - Kesihatan dan kecergasan fizikal
  - Kematangan emosi
  - Ketenangan rohani dan bertaqwah
  - Keterbukaan minda, positif, matang, dan rasional
  - Persekutuan mesra

### vii. Budaya Estetika

- Kehalusan budi
- Keunggulan peribadi
- Kesempurnaan kerja
- Kecantikan dan keindahan seni dan karya
- Keindahan kebudayaan dan bangsa
- Keindahan persekitaran

## KURSUS BINA INSAN GURU

Siswa guru kesemua opsyen di IPG perlu mengikuti kursus Bina Insan Guru (BIG) berdasarkan semester tertentu untuk enam tahap. Kursus BIG melibatkan aktiviti perkhemahan, keyakinan diri ketika melakukan aktiviti air, keyakinan diri dalam melakukan aktiviti kembara, membina jaringan hubungan sosial yang baik serta penerapan nilai-nilai murni menerusi aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK). Selain itu, kursus ini juga merupakan satu wahana ke arah pembinaan dan pembentukan kualiti insan guru yang unggul, berilmu, berkemahiran serta mempunyai sahsiah yang tinggi seperti yang dihasratkan oleh kerajaan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru (Buku Panduan PISMP, 1999).

Bagi menjayakan kursus BIG ini, siswa guru di IPG yang bakal mendidik anak bangsa di Malaysia bukan sahaja perlu mempunyai penguasaan ilmu dalam pelbagai bidang tetapi perlu juga mengaplikasikan segala yang disiswa gurui melalui praktikalnya. Setiap siswa guru hendaklah mempunyai penghayatan yang mendalam terhadap pelbagai aktiviti yang dijalankan kerana melalui aktiviti-aktiviti ini, kita dapat mengukuhkan keperibadian dan sahsiah yang terpuji serta etika keguruan dalam diri selaras dengan hasrat negara. Sebagai seorang guru, kekuatan dan kemantapan dalam segala aspek, iaitu jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial amat diperlukan untuk menjadi guru yang cemerlang. Apabila lahirnya guru yang cemerlang, maka lahirlah murid – murid, masyarakat dan bangsa yang bertamadun serta mempunyai nilai etika dan moral yang tinggi. Hal ini kerana guru yang cemerlang mampu menjadi contoh teladan yang baik kepada siswa guru dan masyarakat (Buku Panduan PISMP IPG Kampus Tun Hussein Onn, 2008).

## RASIONAL KURSUS BIG

Kursus BIG dilaksanakan dengan harapan dapat membina insan guru yang mempunyai tahap fizikal dan mental serta cemerlang dalam semua aspek, sesuai dengan cabaran profession perguruan masa kini.

Dengan adanya kursus ini, diharapkan guru – guru pelatih dapat membina semangat juang yang tinggi dan sentiasa bersedia menyumbangkan masa dan tenaga sepenuhnya kepada diri, keluarga, masyarakat dan bangsa.

Di samping itu, kursus BIG ini juga dapat membina keyakinan diri siswa guru-siswa guru Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) diharapkan untuk menghadapi cabaran semasa. Kursus ini juga dapat menimbulkan kesedaran dan keinsafan dalam membentuk jati diri seorang guru seterusnya membantu merealisasikan wawasan negara selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

## OBJEKTIF KURSUS BIG

Setelah tamat kursus ini, siswa guru diharapkan akan dapat mencapai objektif seperti berikut:

- Membina dan membentuk profesionalisme guru permulaan.
- Membina dan membentuk sahsiah guru permulaan.
- Membina dan membentuk kepimpinan guru permulaan.
- Meningkatkan kemahiran berfikir pada aras yang tinggi dalam menganalisis masalah untuk membuat keputusan yang jitu bagi penambahbaikan secara berterusan.
- Memupuk gerak balas secara positif tidak kira dalam apa jua keadaan sekalipun.
- Dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi mengikut persekitaran dan Kepelbagai budaya dalam sesuatu komuniti.
- Meningkatkan sifat kepimpinan dengan kemahiran mengurus dan mengorganisasi sesuatu kursus dengan baik.
- Meningkatkan daya ketahanan dan kekuatan individu dari aspek fizikal, mental, emosi, rohani dan sosial.

## PELAKSANAAN KURSUS BIG SEBAGAI STRATEGI PEMUPUKAN KEMAHIRAN INSANIAH DALAM KALANGAN SISWA GURU DI IPG

Bina Insan Guru (BIG) merupakan satu matapelajaran dalam komponen kursus wajib (WAJ3314) yang mesti diikuti oleh semua pelajar PISMP yang memperuntukkan tiga kredit. Kursus ini direalisasikan melalui satu pakej yang merangkumi aktiviti luar dan juga di dalam kampus sepanjang enam semester.

Aktiviti ini dikelolakan oleh Unit Ko Kurikulum dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan dirancang untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang ciri-ciri dan kualiti insan guru yang unggul atau kemahiran

insaniah. Kursus BIG ini dilaksanakan sebagai kursus major untuk semua unit, iaitu sebanyak enam fasa dari semester 1 hingga 6 yang meliputi 120 jam seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah:

JADUAL 1. Bina Insan Guru (BIG) merupakan satu matapelajaran dalam komponen kursus wajib (WAJ3314)

KOD	KURSUS	KREDIT	SEM.
WAJ3101	Tamadun Islam dan Tamadun Asia	2(2+0)	1
WAJ3102	English Language Proficiency I	2(2+0)	1
WAJ3103	English Language Proficiency II	1(1+0)	2
WAJ3104	Literasi Bahasa	2(0+2)	2
WAJ3105	Numerical Literacy	2(2+0)	2
WAJ3106	Hubungan Etnik	2(2+0)	3
WAJ3107	Seni dalam Pendidikan	3(2+1)	4
WAJ3108	Kokurikulum – Pengurusan Kokurikulum	1(1+0)	1
WAJ3109	Kokurikulum – Permainan	1(0+1)	2
WAJ3110	Kokurikulum – Unit Beruniform I	1(0+1)	3
WAJ3111	Kokurikulum – Unit beruniform II	1(0+1)	4
WAJ3112	Kokurikulum – Olahraga	1(0+1)	5
WAJ3113	Kokurikulum – Persatuan	1(0+1)	6
WAJ3114	Bina Insan Guru Fasa I (45jam)	*KT	1
	Bina Insan Guru Fasa II (10jam)	*KT	2
	Bina Insan Guru Fasa III (10jam)	*KT	3
	Bina Insan Guru Fasa IV (35jam)	*KT	4
	Bina Insan Guru Fasa V (10jam)	*KT	5
	Bina Insan Guru Fasa VI (10jam)	3(0+3)	6
Jumlah		23 (17%)	

\*KT adalah Kredit Terkumpul yang diberi sebanyak 3 kredit dan dilaksanakan secara teragih selama 6 semester. Nilai 3 kredit dimasukkan pada semester 6

Pelaksanaan BIG adalah berdasarkan kepada kesedaran bahawa profesional keguruan adalah mulia dan insan guru adalah pembina generasi, pembentuk jati diri dan role model kepada masyarakat, justeru guru harus mampu menyesuaikan diri dalam semua keadaan dan mampu menangani cabaran era globalisasi. Melalui aktiviti yang dirancang, pelajar dapat mengenal diri dan mampu mengaplikasikan pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh ke arah pembangunan diri sebagai insan guru secara berterusan. Diharapkan melalui kursus ini akan dapat melahirkan guru-guru yang memiliki

kemantapan sahsiah dan bersedia menangani cabaran pendidikan arus globalisasi.

Kursus BIG merangkumi enam domain utama (fasa) kandungan kurikulum BIG bermula dengan semester pertama iaitu Perkemahan 1 (4 hari 3 malam), semester dua dan semester tiga pelajar perlu menjalankan aktiviti kemasyarakatan, kursus/bengkel/seminar, aktiviti kemasyarakatan dan perkemahan II (3 hari 2 malam) pada semester empat, dan lawatan bench-marking serta kursus/bengkel/seminar pada semester lima dan enam seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah:

### JADUAL 2. Struktur Pelaksanaan BIG

Aktiviti	Tahun 1		Tahun 2		Tahun 3		JUMLAH
	S1	S2	S3	S4	S5	S6	
Perkemahan 1 ( 4h 3 m )	X (45j)						45
Aktiviti Kemasyarakatan		X (7j)	X (7j)	X (5j)			19
Lawatan “bench-marking”					X (7j)	X (7j)	14
Kursus/bengkel/seminar		X (3j)	X (3j)		X (3j)	X (3j)	12
Perkemahan II ( 3h 2m )				X (30j)			30
JUMLAH JAM							120

Domain kandungan kursus BIG adalah

- A. Kerohanian dan akhlak keguruan
- B. Berilmu, beramal dan berbakti
- C. Berakauntabiliti dan amanah
- D. Berdaya tahan yang tinggi
- E. Berjiwa merdeka dan perkasa
- F. Kreativiti dan inovatif

Kursus BIG ini akan dinilai oleh pensyarah mentor berdasarkan jenis penilaian rujukan kriteria, penilaian berterusan secara formatif dan penilaian sumatif. Pensyarah mentor menggunakan beberapa instrumen

iaitu senarai semak pemerhatian semasa aktiviti perkemahan I dan II, aktiviti kemasyarakatan dan lawatan bench-marking. Pelajar-pelajar juga perlu menyediakan kertas cadangan sebelum sesuatu aktiviti dijalankan. Selain itu pelajar juga perlu menyediakan portfolio yang mengandungi laporan reflektif, maklum balas pelajar dan folio individu.

Sehubungan itu,uraian terperinci yang meliputi tajuk, kod kursus,uraian kursus dan ciri-ciri kemahiran insaniah serta jumlah jam untuk keenam-enam fasa Kursus BIG ini ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah:

### JADUAL 3. Huraian Kursus dan Ciri-Ciri Kemahiran Insaniah Kursus BIG di IPG

Tajuk	Huraian Kursus dan Ciri-Ciri Kemahiran Insaniah	Jumlah Jam
WAJ3114 Bina Insan Guru	Kursus ini bertujuan untuk melahirkan guru permulaan yang memiliki ciri-ciri dan perwatakan insan pendidikan yang berpengetahuan, berdaya maju, berdaya tahan, dan berdaya saing. Penekanan kursus diberikan terhadap pembentukan diri guru secara holistik dan kontekstual.	
BIG Fasa I	Kursus ini merupakan suatu program perkhemahan selama empat hari tiga malam. Tumpuan akan diberi terhadap aktiviti mendirikan dan menguruskan perkhemahan, Malaysia cergas dan patriotik, latihan dalam kumpulan, kembara dan orienteering, aktiviti di air, tazkirah / aktiviti moral, persempahan kumpulan dan refleksi.	45 Jam
BIG Fasa II	Kursus ini bertujuan mendedahkan siswa guru dengan domain pembangunan diri insan guru yang seimbang. Penekanan utama kursus ini berkaitan dengan pembangunan insan guru yang seimbang, guru dan hubungan dengan komuniti, guru dan akauntabiliti profesionalisme, aktiviti kemasyarakatan, jenis khidmat kemasyarakatan, khidmat pendidikan kepada komuniti, berakauntabiliti dan amanah dan kreativiti dan inovatif.	10 Jam

BIG Fasa III	Kursus ini bertujuan memupuk kesedaran tentang kepentingan khidmat kemasyarakatan. Siswa guru didedahkan kepada kemahiran merancang, mengendali dan menghadiri bengkel. Aspek yang diberi penekanan ialah etiket sosial dan protokol, pengucapan awam, kesantunan berbahasa, kemahiran mendengar secara efektif, tertib di meja makan, pengendalian majlis rasmi dan etika berpakaian.	10 Jam
BIG Fasa IV	Kursus yang berbentuk perkhemahan selama tiga hari dua malam ini bertujuan memberi peluang kepada siswa guru mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi dalam membuat perancangan dan pengendalian.	35 Jam
BIG Fasa V	Kursus ini bertujuan memupuk kesedaran tentang perkembangan kemahiran latihan dan benchmarking. Siswa guru didedahkan dengan guru dan perundungan, mandat, Akta 550 (1996), Surat Pekeliling Ikhtisas, Pekeliling Perkhidmatan, fungsi Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan sektor-sektor serta fungsi dan peranan Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) / Zon / Bahagian dan PKG, lawatan benchmarking, ciri-ciri kepimpinan, pengurusan sekolah, iklim sekolah, infrastruktur dan infostruktur kurikulum di sekolah.	10 Jam
BIG Fasa VI	Kursus ini bertujuan meningkatkan profesionalisme kendiri secara berterusan. Tumpuan kursus adalah berkaitan dengan perbengkelan, tema bengkel, mentadbir ujian post inventori Self Direct Search (SDS), inventori konflik, interpretasi dapatan ujian, refleksi, lawatan benchmarking, interaksi profesional dengan guru cemerlang, inovasi guru cemerlang, ciri-ciri profesionalisme dan komitmen guru cemerlang dan laporan dan penilaian reflektif	10 Jam

Berdasarkan Jadual 3 di atas, matlamat utama Kursus BIG adalah untuk melahirkan guru permulaan yang memiliki ciri-ciri dan perwatakan insan pendidikan yang berpengetahuan, berdaya maju, berdaya tahan, dan berdaya saing. Kesemua ciri-ciri ini merupakan kemahiran insaniah yang ingin dipupuk dalam diri siswa guru di IPG. Pemupukan kemahiran insaniah ini tampak lebih jelas dalam keenam-enam fasa BIG yang dijalankan, iaitu cergas dan patriotik dalam fasa pertama, akauntabiliti, amanah, kreativiti dan inovatif dalam fasa kedua, etiket sosial, protokol, kesantunan berbahasa, kemahiran mendengar secara

efektif, tertib di meja makan, etika berpakaian dalam fasa ketiga, kemahiran berfikir aras tinggi ketika membuat perancangan dan pengendalian dalam fasa keempat, ciri-ciri kepimpinan, pengurusan sekolah, iklim sekolah, infrastruktur dan infostruktur kurikulum di sekolah dalam fasa kelima dan meningkatkan profesionalisme kendiri secara berterusan dalam fasa keenam. Sehubungan itu, gambar-gambar Kursus BIG yang menunjukkan aktiviti jungle tracking, water confident dan berkayak ditunjukkan dalam Gambar 1, 2 dan 3 di bawah.



GAMBAR 1. Aktiviti *Jungle tracking*



GAMBAR 2. Aktiviti *water confident*



GAMBAR 3. Aktiviti berkayak

## RUMUSAN

IPG bukan sekadar melatih siswa guru namun turut berperanan sebagai sebuah institusi yang melahirkan bakal guru yang mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi. Pemupukan kemahiran insaniah amat jelas terutamanya melalui kursus BIG yang dijalankan dalam enam fasa sepanjang pengajian siswa guru PISMP. Antara lain, kemahiran insaniah yang dipupuk melalui kursus BIG ini ialah cergas dan patriotik dalam fasa pertama, akauntabiliti, amanah, kreativiti dan inovatif dalam fasa kedua, etiket sosial, protokol, kesantunan berbahasa, kemahiran mendengar secara efektif, tertib di meja makan, etika berpakaian dalam fasa ketiga, kemahiran berfikir aras tinggi ketika membuat perancangan dan pengendalian dalam fasa keempat, ciri-ciri kepimpinan, pengurusan sekolah, iklim sekolah, infrastruktur dan infostruktur kurikulum di sekolah dalam fasa kelima dan meningkatkan profesionalisme kendiri secara berterusan dalam fasa keenam.

Pemupukan pelbagai kemahiran insaniah melalui kursus BIG di IPG menjadi medium untuk melahirkan seorang bakal guru yang benar-benar komited, cemerlang dan serba boleh apabila berkhidmat sebagai guru kelak. Perkara ini bertepatan dengan pendapat Brackett, M. A. et al. (2001), iaitu siswa guru perlu melengkapkan diri sebagai insan guru di samping mampu menyempurnakan kursus latihan perguruan yang professional.

## RUJUKAN

- Bahagian Jaminan Kualiti, Kementerian Pengajian Tinggi. (2005). Kod Amalan Jaminan Kualiti Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. Putrajaya: Pengarang.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2004). Kurikulum Kursus Persediaan Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sekolah Rendah. Kuala Lumpur: Unit Kurikulum, BPG
- Berita Harian Online, 6 Mac 2013. Siswazah IPTA Tiada Empat Kemahiran Asas. Di alamat <http://berita-harian-online.com/siswazah-ippta-tiada-empat-kemahiran-asas/>. Muat turun pada 30 April 2013.
- Brackett, M. A. et al. (2001). Emotion-Regulation Ability, Burnout, And Job Satisfaction Among British Secondary-School Teachers. *Psychology In The Schools*, 47(4), 406-417.
- Buletin IPIS. (2007). Bangi: Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam. Bil 5/2007.

- Buku Panduan Standard Guru Malaysia (2007). Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Buku Panduan PISMP Dengan Kepujian IPG Kampus Tun Hussein Onn Batu Pahat. (2008). Batu Pahat, Johor: IPG Kampus Tun Hussein Onn.
- Buku Panduan Akademik Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian Sesi 2007/2008 dan Peraturan Institut Pendidikan Guru (Peperiksaan, Penilaian & Pensijilan 1999). Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2006). Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Kuala Lumpur: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Mohd Ali bin Jemali et.al. (2011). Kesediaan Keterampilan Sosial Dalam Kalangan Guru-Guru Pelatih Di Institut Pendidikan Guru (Ipg) Dengan Budaya Kerja Sekolah: Kertas Cadangan Persidangan Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi dalam Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional. Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohd Dom, A. (2009). Guru Bukan Sekadar Mendidik. Utusan Malaysia. m.s.12. 17 Disember 2009.
- Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia 2013 di alamat: <http://www.moe.gov.my/v/profil-jabatan?div=59>. Muat Turun pada 20 januari 2013.

Norhiza Mohd Salleh (Puan)  
IPG Kampus Raja Melewar,  
Jalan Sikamat,  
70400 Seremban, Negeri Sembilan  
E-mel: norhiza62@gmail.com  
Tel: 067624543

Faridah Nazir (Dr.)  
IPG Kampus Raja Melewar,  
Jalan Sikamat,  
70400 Seremban, Negeri Sembilan  
E-mel: fidafn@yahoo.com

Farah Mukhtar (Dr.)  
Jabatan Bahasa  
IPG Kampus Raja Melewar,  
Jalan Sikamat,  
70400 Seremban, Negeri Sembilan  
E-mel: drfarahmukhtar@gmail.com